

23 JUN 1999

Kabinet-Putrajaya

KABINET ADAKAN MESYUARAT PERTAMA DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 23 Jun (Bernama) -- Kabinet hari ini mengadakan mesyuarat mingguannya yang pertama di pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang baru di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bermula pukul 9.35 pagi.

Semua jemaah menteri hadir pada mesyuarat pagi ini yang akan tercatat dalam sejarah sebagai kali pertama keputusan-keputusan kabinet dibuat di sini setelah hampir 42 tahun mengadakan mesyuaratnya di kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jalan Dato Onn Kuala Lumpur.

Dr Mahathir telah memulakan tugas beliau di pejabat barunya di sini sejak dua hari lepas.

Pejabat baru yang serba moden dan indah ini terletak kira-kira 40km dari ibu negara.

JPM di Jalan Dato Onn telah menjadi nadi pentadbiran kerajaan Malaysia sejak Merdeka pada 1957.

Dr Mahathir dipercayai telah mempengerusikan mesyuarat kabinet di JPM hampir 1,000 kali sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981.

Selepas mempengerusikan mesyuarat terakhir kabinet di JPM minggu lepas, Dr Mahathir berkata terdapat cadangan untuk menjadikan bangunan itu sebagai muzium.

Putrajaya direka bentuk untuk menjadi perbandaran taman pintar dengan keluasan 4,581 hektar dan bersebelahan dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menempatkan bandaraya pintar pertama di dunia, Cyberjaya.

-- BERNAMA

AR RON